

13 MAY 2003

Muhyiddin-Umno

UMNO KAJI SEMULA SISTEM PENDAFTARAN KEANGGOTAAN, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Umno akan mengkaji semula sistem pendaftaran keanggotaannya ke arah melicinkan proses kemasukan anggota baru, kata Naib Presidennya Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Beliau berkata Umno akan mengkaji pelbagai cara untuk mempermudah proses pendaftaran anggota supaya parti itu dapat meningkatkan bilangan anggotanya.

"Kita nak perbaiki sistem itu dan mahu mencari jalan supaya proses (pendaftaran) dapat dipermudahkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Hak Harta Intelek dan Globalisasi Menurut Perspektif Islam di sini.

Muhyiddin menjawab pertanyaan berhubung dakwaan golongan profesional mengenai kesukaran menjadi anggota Umno.

Beliau berkata satu kaedah yang sedang diteliti ialah sistem pendaftaran lama yang membolehkan pemohon yang mendaftar di peringkat cawangan memperoleh secara automatik keanggotaan setelah menerima resit bayaran.

Menurut sistem sekarang, pemohon perlu menghantar borang permohonan pendaftaran di peringkat cawangan dan jika dipersetujui ketua cawangan, ia dihantar ke peringkat bahagian sebelum dihantar ke peringkat pusat. Tempoh masa bagi mendapatkan kesahihan keanggotaan tidak ditetapkan.

Mengenai langkah Umno Bahagian Tasek Gelugor memberikan insentif RM3 kepada anggotanya yang dapat mencari seorang anggota baru, Muhyiddin berkata usaha itu tidak diperkecilkan.

Namun begitu, Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata situasi itu seolah-olah menunjukkan semangat perjuangan semakin luntur.

Beliau berharap bayaran insentif seumpama itu tidak menjadi `trend' dalam Umno pada masa akan datang.

Mengenai pendedahan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang kewujudan kumpulan serpihan yang mahu memecah-belahkan parti itu, Muhyiddin berkata ia adalah peringatan presiden kepada semua anggota parti supaya kembali kepada semangat perjuangan.

"Soal pengorbanan untuk parti adalah lebih utama dan kita tidak boleh mengutamakan kepentingan diri sendiri atau kepentingan puak dan suku sakat," katanya.

Dalam mana-mana pertubuhan, masalah kecil selalu menjadi barah yang menular dan sekiranya tidak dikawal, pemimpin perlu mengingatkan anggota supaya berhati-hati dan jangan membesarkannya.

Seminar sehari itu ialah anjuran bersama Kementerian dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

-- BERNAMA

NN MAM PR